

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[KULIM-BANDAR BHARU]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian "revenue" Kerajaan sekarang yakni sumber atau puncanya, perbelanjaan pembangunan dan pengurusan serta defisit semasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Penularan pandemik COVID-19 serta pengenalan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dijangka memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 telah disemak semula dan dianggarkan berkurang sebanyak RM17.2 billion atau 7% kepada RM227.3 bilion berbanding anggaran asal. Ini adalah selari dengan KDNK yang dijangka menguncup dan jangkaan harga minyak mentah yang rendah sekitar USD40 setong. Manakala, jumlah perbelanjaan pula dianggar meningkat kepada RM314.7 bilion susulan pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Justeru, defisit fiskal pada tahun 2020 telah disemak semula dan dianggar meningkat daripada 3.2% kepada 6.0% kepada KDNK.

2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan berjumlah RM227.3 bilion, hasil cukai adalah sebanyak RM153.3 bilion di mana hasil cukai langsung adalah sebanyak RM115.1 bilion manakala cukai tidak langsung pula berjumlah RM38.1 bilion. Hasil bukan cukai pula dianggar sebanyak RM74 bilion. Antara komponen utama yang menyumbang kepada jumlah hasil adalah cukai pendapatan syarikat sebanyak RM59.4 bilion dan cukai pendapatan individu sebanyak RM35.9 bilion iaitu mewakili sekitar 42% daripada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan.
3. Peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang telah disemak semula bagi 2020 pula adalah lebih tinggi iaitu RM314.7 bilion berbanding anggaran awal sebanyak RM297 bilion. Daripada jumlah ini, RM226.7 bilion atau 72% disalurkan untuk OE, RM50 bilion (atau 15.9%) untuk DE manakala baki RM38 bilion (atau 12.1%) untuk Kumpulan Wang COVID-19. Bagi peruntukan mengikut sektor yang tidak mengambil kira peruntukan Kumpulan Wang COVID-19, sebanyak 37.9% diperuntukkan bagi program dan projek di bawah sektor sosial diikuti sektor ekonomi sebanyak 16.2%, keselamatan 10.9% dan pentadbiran am 7.3%. Baki peruntukan berjumlah RM76.7 bilion (atau 27.7%) diperuntukkan bagi perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan.

Sekian, terima kasih.